

NAFSU LAWWAMAH DALAM NOVEL *TAUTAN HATI*

NOOR FARHAH ROSLY

Universiti Malaya
farhah.rosly@gmail.com

TENGGU INTAN MARLINA TENGGU MOHAMMAD ALI

Universiti Malaya
inmarlin@um.edu.my

NURHAMIZAH HASHIM

Universiti Malaya
aaee@um.edu.my

ABSTRAK

Nafsu adalah landasan kepada akhlak yang ada dalam diri manusia. Nafsu yang terdidik akan melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri dan keimanan yang teguh. Kajian ini menggunakan teks kajian novel *Tautan Hati* (2012) karya Fatimah Syarha terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. bagi mengenalpasti, menghurai dan juga menilai sifat-sifat nafsu lawwamah yang terdapat dalam novel tersebut. Kajian dilakukan berikutan begitu banyak kepincangan akhlak dewasa ini yang didasari oleh kerakusan nafsu manusia. Ia secara tidak langsung menjadi gambaran fenomena kepincangan akhlak dalam masyarakat. Nafsu lawwamah dilihat sebagai nafsu yang menonjol dalam novel *Tautan Hati*. Nafsu hanya dapat dikendalikan dengan baik apabila masyarakat dapat mengenali sifat-sifat nafsu tersebut. Sifat-sifat nafsu yang dikenali dalam novel *Tautan Hati* menjadi kayu ukur dan cerminan sosial masyarakat. Dengan mengenali sifat-sifat tersebut, maka masyarakat dapat memperbaiki kehidupan masing-masing ke arah yang lebih baik apabila sama-sama mengendali sifat tersebut menuju ke jalan yang diredaiNya. Kajian dilakukan secara kualitatif menggunakan bahan bacaan yang berkaitan sifat nafsu watak-watak dalam novel. Kajian nafsu lawwamah dalam novel *Tautan Hati* membataskan kepada tiga sifat yang dominan iaitu, ujub, ghibah dan juga dusta. Kesimpulannya, watak-watak dalam novel memiliki sifat-sifat nafsu lawwamah yang mendorong menjauhkan diri daripada Allah SWT serta dalam masa yang sama mereka bertindak tanpa keutuhan iman dalam diri.

Kata kunci: *dusta; ghibah; nafsu lawwamah; Tautan Hati; ujub*

LAWWAMAH NAFS IN THE NOVEL OF TAUTAN HATI

ABSTRACT

Nafs is the the pillar of morality that exists in human beings. A good morality will establish true self identity and strong faith in a society. This research was based on a novel written by Fatimah Syarha, *Tautan Hati* (2012) that identified, elaborated and also assessed the traits of *nafs lawwamah* from the novel. The research was conducted due to a moral decadence found common in current society. *Lawwamah nafs* is seen as the is prominently focused in the novel. One can shape and negate one's traits, if self-controlled is practiced. The traits of the nafs found in the novel becomes the yardstick to measure and reflect the current society. It is hoped that by recognizing these traits people can improve their lives in a better way. The research was conducted qualitatively by using the reading materials related to the traits and elements of nafs found within the characters in the novel. This research limits to three predominant traits of *nafs*, namely, *ujub*, *ghibah* and also untruthfully. In conclusion, the characters in the novel have these traits mentioned earlier that have set them to be apart from Allah SWT; judging from the way the live and act freely in which would not reflect greatly of their *iman* (faith).

Keywords: untruthfully; *ghibah*; *lawwamah nafs*; *Tautan Hati*; *ujub*

PENGENALAN

Akhlak adalah cerminan diri manusia dan merupakan suatu keadaan yang terukir dalam jiwa setiap insan (Mohd Nasir Omar, 2016: 20). Akhlak yang baik lahir daripada jiwa yang kuat bertunjangkan syariat Islam. Jiwa menjadi landasan kepada pembentukan akhlak manusia. Istilah jiwa atau al-nafs digunapakai sebagai 'manusia' atau 'insan' dan turut membawa maksud jiwa manusia, iaitu nafsu.

Akhlak memainkan peranan yang penting dalam kesejahteraan hidup kerana dapat membentuk keperibadian atau sahsiah yang baik dalam kalangan individu dan masyarakat. Sahsiah yang baik ini membentuk individu dan masyarakat yang berbudi pekerti mulia. Pemimpin-pemimpin yang hebat dan mempunyai integriti berpotensi menjana kekuatan negara melalui pembentukan akhlak yang baik. Oleh itu, pembentukan akhlak dapat menghasilkan lebih ramai manusia yang memiliki sahsiah diri yang tinggi.

Setiap tindak balas manusia terhadap dorongan jiwa yang mendesak mereka akan membentuk akhlak. Penting bagi manusia untuk mengetahui dan membimbing diri ke arah keperibadian mulia dengan mengenalpasti tingkat-tingkat serta sifat-sifat nafsu dalam diri sebagai petunjuk prestasi utama dalam mengecapi kejayaan dunia dan akhirat.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian lepas dibatasi dengan tinjauan terhadap beberapa kajian pada peringkat doktor falsafah dan juga sarjana dari pelbagai universiti tempatan seperti Universiti Malaya, Universiti

Putra Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia. Sorotan kajian dilakukan dengan melihat kajian yang berkaitan aspek psikologi, akhlak, nafsu, modal insan dan sebagainya.

Kajian berkaitan psikologi telah dijalankan oleh Ros Zakaria pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah bertajuk “Martabat Nafsu dalam Novel-novel Shahnnon Ahmad” pada tahun 2002 dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian tersebut telah menyentuh aspek nafsu yang terdapat dalam novel-novel Shahnnon Ahmad. Ros Zakaria telah menggunakan 14 buah novel yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad pada tahun 1965 hingga tahun 1999. Namun, novel Perdana tidak dijadikan bahan kajian kerana bersifat sejarah. Pendekatan Elektik telah digunapakai dalam kajian tersebut dengan menggabungkan aspek yang relevan dalam Teori Formalistik, Teori Takmilah dan juga pentahapan nafsu al-Ghazali.

Ros Zakaria telah menjalankan kajian bagi melihat sejauhmana kewujudan martabat nafsu serta tingkatan nafsu yang paling dominan dalam novel-novel pilihan Shahnnon Ahmad. Hasil kajian Ros Zakaria telah mendapati bahawa nafsu yang paling dominan adalah nafsu ammarah dan didasari oleh konsep Islam seperti yang dituntut oleh Teori Takmilah, iaitu setiap perbuatan baik akan dibalas dengan kebaikan dan sebaliknya. Novel-novel Shahnnon Ahmad juga dilihat mendukung nilai Islam yang tinggi kerana mengajak khalayak masyarakat untuk sama-sama membuat kebaikan. Kekuatan kajian ini terbukti pada pemilihan nafsu sebagai kata kunci yang menjadi aspek kajian kerana tidak ramai pengkaji yang mengetengahkan soal nafsu dalam karya pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah (ph.D), tetapi ramai sarjana mula menggunakan pendekatan mahupun teori yang bersifat Islamik pada masa ini. Ros Zakaria telah menyatakan tentang sifat-sifat nafsu dan menyediakan kerangka model dengan baik. Gabungan aspek-aspek yang relevan dalam Teori Formalistik, Teori Takmilah dan juga pentahapan nafsu al-Ghazali dilihat menarik dalam menilai sifat-sifat kejiwaan watak dalam novel-novel kajian. Walau bagaimanapun, kajian “Nafsu Lawwamah dalam Novel *Tautan Hati*” dilihat berbeza dengan kajian “Martabat Nafsu dalam Novel-novel Shahnnon Ahmad” kerana pemilihan bahan kajian iaitu, novel *Tautan Hati* sebagai sebuah novel dakwah yang sarat dengan dengan masalah kejiwaan watak. Kajian ini memberi pengkhususan kepada peringkat nafsu lawwamah sahaja berdasarkan tiga sifat dominan yang terdapat dalam novel *Tautan Hati* berbeza dengan kajian Ros Zakaria yang memuatkan empat peringkat nafsu.

Manakala Nor Hasimah Ismail dalam kajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah bertajuk “Konflik Jiwa Watak-watak Wanita dalam Novel Pilihan Fatimah Busu” pada tahun 2014 dari Universiti Pendidikan Sultan Idris turut melihat perihal konflik nafsu dalam kajiannya. Selain nafsu, kajian tersebut juga meneliti soal konflik hati dan juga jiwa. Beliau telah menggunakan lima buah novel Fatimah Busu sebagai bahan kajian, iaitu *Ombak Bukan Biru*, *Kepulangan*, *Salam Maria*, *The Missing Piece I* dan *The Missing Piece II*. Pendekatan Psikologi Islam Imam al-Ghazali telah diambil untuk melihat perspektif Islam terhadap psikologi moden dengan menghapuskan konsep-konsep yang dilihat tidak bersesuaian dengan Islam. Garapan tiga aspek kajian, iaitu konflik hati, jiwa dan nafsu adalah suatu pembahagian yang menarik. Gabungan konsep lain dalam kajian “Nafsu Lawwamah dalam Novel *Tautan Hati*” tidak dilakukan sebaliknya sifat-sifat nafsu lawwamah menjadi fokus utama kerana kurangnya pengkajian yang berkaitan dalam novel.

Selain itu, Tengku Intan Marlina Tengku Mohamad Ali telah mengutarakan aspek kejiwaan dalam kajian peringkat Ijazah Sarjananya pada tahun 2000 dari Universiti Malaya yang

bertajuk “Novel-novel Hamzah Hussain: Kajian Watak dari Sudut Psikologi”. Kajian beliau telah menggunakan konsep-konsep psikologi yang dikemukakan oleh Sigmund Freud, Carl Jung, Alfred Adler dan Karen Horney. Lima buah novel karya Hamzah Hussain telah digunapakai sebagai bahan kajian, iaitu *Rumah Itu Dunia Aku* (1951), *Pemburu Pulang ke Rumah* (1953), *Rumah Kosong* (1956), *Samseng* (1956) dan juga *Hujan Air Mata* (1958). Kajian tersebut meneliti sifat dan sikap peribadi watak, serta tindakan watak-watak dalam menghadapi masalah dalam kehidupan. Pelbagai sifat, sikap dan tindakan dianalisis dalam novel kajian bagi memperlihatkan secara mendalam aspek kejiwaan setiap watak yang dikaji. Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya melihat kejiwaan watak dari sudut teori psikologi Barat sahaja, sedangkan karya yang dikaji meliputi budaya dan kehidupan masyarakat beragama Islam dan berbangsa Melayu. Hal ini berbeza dengan kajian “Nafsu Lawwamah dalam Novel Tautan Hati” yang melihat aspek jiwa dari sudut keislaman kerana Islam adalah agama rasmi di Malaysia dan sangat bersesuaian dengan latar tempat dalam novel *Tautan Hati*.

“Novel *Panggil Aku Melaju: Analisis Psikologi Watak dan Pengarang*” merupakan kajian peringkat Ijazah Sarjana oleh Noor Azlin Ayuni Mohd Arshat dari Universiti Malaya pada tahun 2015 yang menganalisis kejiwaan watak dan juga psikologi pengarang dengan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Beliau menggunakan novel *Panggil Aku Melaju* karya Haroun Hashim sebagai bahan kajian. Kajian tersebut dapat dijadikan panduan yang baik kerana dapat menyorot konflik jiwa watak, analisis kejiwaan watak dan juga pengarang. Objektif kajian berjaya dicapai selain menonjolkan aspek helah bela diri watak yang terdapat dalam novel. Kejiwaan watak yang dipamerkan menjadi kekuatan kajian kerana sarat dengan konflik jiwa baik watak dalam novel mahupun pengarang. Kajian tersebut juga menggunakan teori dari Barat sama seperti kajian yang dilakukan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohamad Ali. Jalanan konsep Islam perlu diterapkan dalam kajian sebagai lambang keutuhan agama dan penyebaran dakwah kerana kajian yang seumpama itu dapat memberi impak ke atas kejiwaan ummah serta kembali ke landasan yang benar. Oleh itu, kajian sedemikian dilakukan agar masyarakat lebih peka akan kejiwaan sendiri dan orang sekeliling sekali gus dapat membentuk akhlak yang mulia serta membimbing diri menuju jalan yang diredai Allah SWT.

Mesej kerohanian yang memaparkan keindahan akhlak dan keutuhan nilai Islam dalam watak wanita tergambar dalam kajian peringkat Ijazah Sarjana oleh Nur Lailatul Akma Zainal Abidin dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 2012 dengan tajuk, “Watak Wanita dalam Novel *The Missing Piece Satu dan Dua* Berdasarkan Teori Sastera Islami”. Bahan kajian merupakan karya Fatimah Busu. Nur Lailatul Akma Zainal Abidin membahagikan kepada tiga aspek, iaitu, amal makruf nahi mungkar, hablu min Allah dan hablu min al-Nas; dan kesempurnaan insan. Kajian tersebut bertunjangan falsafah tauhid dan menerapkan aspek keislaman dalam olahan kajian terhadap watak wanita. Sifat-sifat watak wanita yang ditonjolkan mengangkat fitrah wanita yang menganuti agama Islam yang berkaitan ketiga-tiga aspek tadi. Penerapan nilai agama merupakan suatu yang menarik dan menambah input pengetahuan dalam kalangan pembaca. Perbezaan kajian tersebut dengan kajian yang dijalankan pengkaji adalah skop dan bahan yang berbeza. Walaupun Nur Lailatul Akma Zainal Abidin melakukan kajian berdasarkan konsep Islam namun beliau dilihat tidak menyentuh aspek nafsu lawwamah tetapi menyentuh soal tazkiyah al-nas (penyucian jiwa).

Berdasarkan penelitian daripada kajian lepas di atas, didapati bahawa kebanyakan pengkaji tidak menyentuh dengan mendalam soal nafsu lawwamah kecuali Ros Zakaria namun

pengkajiannya turut memuatkan peringkat nafsu yang lain dengan menggunakan karya Shahnnon Ahmad. Ramai pengkaji melihat aspek kejiwaan dari kaca mata Barat, namun kajian yang bertunjangkan keislaman dilihat semakin mendapat perhatian. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi suatu yang menarik apabila persoalan nafsu diangkat dan diketengahkan dalam membantu membaikpulihan akhlak msyarakat yang semakin meruncing saban hari. Fokus kajian terhadap nafsu lawwamah menjadi aspek yang ditekankan supaya menjadi intipati dalam kehidupan masyarakat dalam melihat cerminan diri sendiri yang dipantulkan dalam karya seterusnya mengolah kehidupan ke arah lebih positif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan bagi menjalankan kajian ini. Bahan-bahan bacaan seperti buku, artikel, jurnal dan tesis kajian yang berkaitan dengan kajian ini telah dikenalpasti dan diteliti dalam kajian ini. Beberapa buah perpustakaan telah dikunjungi untuk mendapatkan bahan bacaan tersebut, antaranya Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Perpustakaan, Sultan Abdul Samad dan Perpustakaan Tuanku Bainun. Analisis teks dilakukan terhadap novel *Tautan Hati* (2012) karya Fatimah Syarha terbitan Telaga Biru Sdn. Bhd. Kajian dilakukan dengan menganalisis sifat-sifat nafsu lawwamah yang terdapat dalam novel tersebut.

NAFSU

Nafsu sering dipandang sebagai sesuatu yang buruk dan negatif dalam kehidupan manusia. Manusia tidak dapat dipisahkan dengan nafsu sehingga ke akhir hayat dan terpaksa berperang dengannya setiap masa. Salah satu sifat nafsu adalah meminta dipenuhi segala kemahuannya sepanjang masa seperti anak-anak kecil. Manusia terpaksa berjihad melawan nafsu dengan menggunakan akal kerana akal yang sejahtera dapat membuat pertimbangan dan menghalang nafsu daripada menuruti segala kehendak kejahatan.

Nafsu merupakan musuh dalam selimut manusia. Dorongan nafsu akan menyebabkan manusia tergoda untuk melakukan kejahatan. Walau bagaimanapun, musuh dalaman manusia ini dapat dilentur dan dikawal dengan kekuatan iman yang menebal dan pertimbangan wajar akal.

“...sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali (nafsu) orang yang telah dirahmati oleh Tuhanku (maka terselamatlah dia daripada hasutan nafsu itu)...”

(Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Al-Fauzan, 2015, Surah Yusuf, 53: 242)

Firman Allah SWT tersebut jelas menunjukkan bahawa nafsu sentiasa mengarah manusia melakukan kejahatan dan manusia harus bijak dalam mengawalinya. Nafsu menurut al-Ghazali memiliki dua pengertian. Pada pengertian yang pertama, al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumiddin* (2013) menyatakan bahawa nafsu adalah yang menghimpunkan kekuatan marah dan nafsu syahwat pada manusia. Nafsu pada pengertian ini juga merupakan himpunan segala sifat tercela yang ada pada diri manusia. Nafsu pada pengertian kedua pula membawa definisi segala yang

terpuji tentang diri atau zat manusia itu sendiri. Zat manusia dapat membantu manusia mengenal Allah SWT dan juga ilmu pengetahuan.

Umum mengetahui bahawa nafsu telah dibahagikan kepada tujuh peringkat dari peringkat rendah hingga ke peringkat yang tertinggi. Ketujuh-tujuh peringkat nafsu tersebut dapat menggambarkan sifat-sifat diri manusia. Peringkat-peringkat nafsu tersebut turut disebut sebagai perjalanan nafsu dalam *Tuan Haji Mohammad Yatim Ismail dalam Tarekat Naqshabandiyyah* (2015: 141-142) oleh Rosnaaini Hamid. Mustapha Mohamed dalam *Mengenal Diri dan Wali Allah* (2015: 31-45) turut menyenaraikan tujuh peringkat nafsu seperti yang disebut oleh Syekh Abdus-Shamad al-Falimbani dalam *Sairus-Salikin* (2015: 17-23). Turutan peringkat-peringkat nafsu adalah seperti berikut:

1. Pertama: Nafsu amarah
2. Kedua: Nafsu lawwamah
3. Ketiga: Nafsu mulhamah
4. Keempat: Nafsu muthmainnah
5. Kelima: Nafsu radhiyah
6. Keenam: Nafsu mardhiyah
7. Ketujuh: Nafsu kamilah

Ketujuh-tujuh nafsu tersebut memiliki sifat-sifat yang tersendiri dan berbeza mengikut tingkatan. Seterusnya ialah peringkat nafsu lawwamah.

NAFSU LAWWAMAH

Nafsu yang bersifat mencela adalah peringkat nafsu yang kedua. Manusia yang berada pada peringkat nafsu ini akan mencela diri sendiri apabila melakukan dosa (Jaafar Salleh, 1996: 26). Firman Allah SWT, “dan Aku bersumpah dengan nafsu Lawwamah (jiwa yang selalu menyesali dirinya sendiri)” (Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Al-Fauzan, 2015, Surah al-Qiyamah, 2: 577) telah membuktikan kewujudan nafsu yang menyesal dalam melakukan dosa. Manusia yang memiliki nafsu lawwamah masih lemah dan gemar melakukan mazmumah namun sering mencela diri apabila tersedar akan kesalahan yang dilakukan. Nafsu lawwamah tidak dapat ditundukkan sepenuhnya walaupun sudah terarah kepada kebaikan dan amal ibadah.

Mereka cenderung melakukan ibadah dengan perasaan yang malas, penuh terpaksaan dan tidak pernah menikmati kemanisan iman kerana jiwa bergolak antara kebaikan dan juga kejahatan. Sifat-sifat manusia yang memiliki nafsu lawwamah dalam dirinya adalah mencela kesalahan diri sendiri, selalu berfikir mengenang dosa, mempunyai perasaan takut apabila melakukan kesalahan, mencemuh sebarang kejahatan, riya’, sum’ah, dusta, ghibah, namimah (adu domba) dan juga ujub.

Faktor sekeliling memainkan peranan yang penting dalam memastikan iman terpelihara dan terus meningkatkan diri ke arah nafsu yang baik. Pergaulan dengan orang yang baik akan memastikan individu berada dalam lingkungan suasana yang baik dan bersemangat untuk terus melawan nafsu jahat. Dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti tiga nafsu lawwamah yang dominan dalam novel *Tautan Hati* karya Fatimah Syarha, iaitu ujub, dusta dan ghibah. Namun, pengkaji tidak menafikan sifat-sifat nafsu lawwamah yang lain.

Pemilihan ketiga-tiga sifat tersebut dilakukan kerana sifat-sifat nafsu lawwamah dilihat menonjol dalam novel *Tautan Hati*. Novel *Tautan Hati* karya Fatimah Syarha juga dipilih

berikutan teks tersebut jelas memaparkan realiti kehidupan masyarakat kini dengan unsur-unsur dakwah yang diketengahkan bersesuaian dengan perspektif nafsu yang ingin dilihat. Malah, tidak ramai para sarjana yang menentang sifat nafsu lawwamah terutama dalam *Tautan Hati*. Nafsu lawwamah adalah nafsu yang sudah mempunyai cahaya untuk kembali kepada Allah SWT, tetapi kekuatan iman yang tidak menentu menyebabkan ramai masyarakat terumbang-ambing dan terpedaya dengan ibadah yang dilakukan hingga timbul pelbagai sifat-sifat nafsu lawwamah. Oleh itu, dengan adanya kajian tentang nafsu lawwamah, maka masyarakat lebih faham dengan lebih terperinci sifat-sifat nafsu tersebut.

Analisis kajian diokuskan kepada ujub, ghibbah (mengumpat) dan dusta dapat dilihat dalam analisis berikut.

Ujub

Ujub merupakan salah satu sifat nafsu lawwamah. Ujub adalah perbuatan kagum dengan nikmat, cenderung dengan nikmat tersebut tetapi lupa menyandarkannya kepada Allah SWT (al-Ghazali, 2013: 801). Manusia yang memiliki sifat ujub selalu berasa sempurna, tetapi beranggapan bahawa kesempurnaan serta nikmat yang dirasakan itu bukan pemberian Allah SWT.

Ujub boleh terjadi berdasarkan kecantikan, kekuatan, sifat kebangsawanan bahkan dari sudut perbuatan amal juga termasuk ibadah, sedekah dan amalan kebaikan yang dilakukan. Ramai ahli dalam masyarakat yang tidak sedar memiliki penyakit ujub dalam diri masing-masing lantaran ditiup sifat kekaguman terhadap diri sendiri. Perbezaan antara ujub dan riak adalah ujub tidak melibatkan orang lain sedangkan riak memerlukan orang lain.

Al-Ghazali dalam *Ihya' Ulimiddin* (2013: 813-825) menyenaraikan lapan punca yang timbul akibat ujub, iaitu:

1. Memiliki tubuh badan yang cantik, sihat, suara yang merdu dan sebagainya.
2. Kekuatan dan keperkasaan diri seperti kaum 'Ad.
3. Kepintaran akal.
4. Keturunan mulia (bangsawan).
5. Keturunan sultan atau penguasa yang zalim tanpa ilmu dan juga agama.
6. Kurniaan anak yang ramai.
7. Harta kekayaan.
8. Pendapat yang salah.

Kelapan-lapan punca yang terdapat dalam diri manusia telah menjadikannya seorang yang ujub. Ujub hanya dapat diubati apabila seseorang bersyukur dan menyedari bahawa nikmat yang diperolehi adalah kurniaan Allah SWT. Malah, ilmu atau amal yang dilakukan dengan rasa ujub tidak dapat memberikan pulangan akhirat yang setimpal dengan amalan kerana setiap jiwa tidak mengetahui tarikh dan keadaan kematian sendiri sama ada dalam kebaikan mahupun keburukan seperti iblis yang telah lama beribadah namun dilaknat Allah SWT kerana menolak untuk sujud pada Nabi Adam.

Dalam novel *Tautan Hati*, terdapat beberapa watak yang memiliki sifat ujub, iaitu Linda, Hindun dan juga Baz. Watak Hindun terpamer sebagai seorang yang mempunyai sifat ujub apabila berasa dirinya hebat dipuji oleh Linda kerana memiliki *self-esteem* yang tinggi. Sifat ujub tersebut timbul dalam diri Hindun apabila dia merasakan bahawa dirinya memiliki

kepintaran akal kerana dengan kepintaran akal tersebut, Hindun tidak dapat menerima kritikan yang dirasakan tidak sesuai dengan dirinya. Sifat ujub ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Eh, dia marah! Itu maknanya *self-esteem* kau tinggi. Orang yang tinggi *self-esteem* menganggap perkara negatif tak konsisten wujud dalam *self-concept*-nya, maka dia tak dapat menerima kritikan yang dirasakan tak sesuai dengannya.”

“Hah, kan betul aku hebat?! *Self-esteem* aku tinggi. Jangan main-main dengan aku.”
Suara Hindun kembali normal dan hidungnya kembang menerima kata-kata itu.

(*Tautan Hati*, 2012: 18)

Watak Aisyah Bazella atau hanya dikenali sebagai Baz menonjolkan sifat ujub yang berpunca daripada tubuh badannya yang ramping. Baz berbangga dengan tubuh yang dimilikinya hingga beranggapan bahawa aktiviti *jogging* tidak perlu baginya kerana sudah ramping. Hakikatnya, aktiviti sebegitu dilakukan bukan hanya bertujuan kecantikan tubuh badan semata-mata tetapi bagi mengekalkan tubuh badan yang sihat untuk menjalankan kehidupan dengan lebih bermakna serta bermanfaat. Petikan kata-kata Baz dapat dilihat seperti berikut: “Joging buat apa, saya memang dilahirkan dengan pinggang ramping,” balas Aisyah Bazella. Dia menggoyang-goyang kakinya (*Tautan Hati*, 2012: 367).

Sifat ujub perlu dielakkan dalam diri kerana mampu menjerumus manusia kepada menyombong diri sebagai rentetan. Malah, permulaan sifat ujub akan mengundang pelbagai masalah jiwa yang lain yang diteruskan melalui sifat takbur dan menjatuhkan manusia kepada tingkatan nafsu terbawah, iaitu nafsu ammarah. Allah SWT berfirman dalam surah al-Nahl, ayat ke 29 bahawa: “Oleh itu, masukilah pintu-pintu neraka, kekallah kamu di dalamnya; maka sesungguhnya (neraka itu) ialah tempat yang paling buruk bagi orang yang sombong” (Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Al-Fauzan, 2015: 270).

Firman Allah SWT tersebut jelas menunjukkan bahawa sifat ujub dalam tingkatan nafsu lawwamah merupakan sifat yang terkeji hingga Allah SWT menyebutnya dalam al-Quran dan menempatkan manusia yang memiliki sifat ujub di dalam neraka jahannam.

Ghibah

Pelbagai implikasi boleh timbul akibat ghibah. Ghibah atau mengumpat sangat digemari masyarakat hingga menyebabkan masalah silaturahim. Ghibah adalah sifat yang tercela berikutan orang yang diumpat akan berasa malu, marah, sedih dan juga sakit hati. Perbuatan ghibah juga dianggap jijik dan diumpamakan seperti memakan daging saudara sendiri seperti firman Allah SWT berikut:

“...dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka pasti kamu jijik kepadanya...”

(Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Al-Fauzan, 2015, Surah Al-Hujurat 12: 517)

Hadis tersebut menggambarkan perbuatan ghibah sebagai perbuatan yang kejam serta kotor. Ghibah adalah sifat nafsu lawwamah yang berpunca daripada lidah.

Ghibah merupakan perbuatan menyebut sesuatu yang tidak disukai oleh orang yang diumpat jika dia mendengarnya walaupun perkara tersebut adalah benar. Penggunaan media

sosial yang begitu meluas kini telah menjerumus manusia dalam gaung ghibah tanpa sempadan. Ghibah tidak hanya dilakukan melalui lidah semata-mata namun ramai *keyboard warrior* dilahirkan seiring dengan kepesatan teknologi. Malahan ghibah menjadi semakin mudah dan meluas dengan bermodalkan data pelayar. Masyarakat dilihat aktif memberi komentar masing-masing tanpa menyelidiki sesuatu isu hingga menimbulkan ghibah dalam ruangan tersebut.

Perbuatan ghibah boleh menyinggung perasaan orang lain walaupun baris-baris kata yang dituturkan adalah benar. Hakikatnya, pena adalah salah satu daripada dua lidah termasuklah pena (tulisan) yang dilakukan dalam media sosial kerana pengarang atau ahli masyarakat sendiri tidak terkecuali diumpamakan sebagai kanibal apabila menyebut berkaitan individu yang dikenalnya. Perbuatan tersebut seolah-olah membuka aib seseorang dan mengundang rasa malu pada pihak yang diumpat. Rentetan daripada itu, hubungan silaturahim juga menjadi semakin renggang dan dingin antara mereka.

Al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumiddin* (2013: 95-97) ada menyebut sebelas punca berlakunya ghibah, iaitu lapan daripadanya adalah khusus untuk orang awam manakala selebihnya adalah berpunca daripada ahli agama sendiri. Punca daripada orang awam ialah:

1. Menyembuhkan kemarahan.
2. Menjaga hati teman-teman yang lain.
3. Merasakan diri diumpat.
4. Melepaskan diri daripada sesuatu perbuatan.
5. Bertujuan untuk kebanggan diri.
6. Dengki.
7. Sebagai senda gurau dan juga bahan untuk tertawa.
8. Penghinaan.

Punca daripada ahli agama:

1. Takjub dalam menentang kemungkaran dan menyebut nama orang yang melakukan kemungkaran.
2. Rasa sayang (berdukacita atas bencana orang lain dan menyebut namanya)
3. Marah kerana Allah SWT hingga menyebut kemungkaran seseorang pada orang lain.

Oleh itu, dapat diketahui bahawa mengumpat atau ghibah adalah fenomena apabila seseorang memperkatakan sesuatu yang boleh menjejaskan nama baik seseorang dan menimbulkan aib pada pihaknya baik dari segi tubuh badan, keturunan, kelakuan mahupun perbuatan yang bersangkutan dengan agama.

Dalam *Tautan Hati*, ghibah telah berlaku pada watak antagonis yang dibawa oleh Hindun seperti petikan berikut:

“Apa nak dihairankan? Orang gila,” perli Hindun dengan suara yang agak kuat kedengaran. Hindun sengaja mahukan Imtisal mendengar suaranya. Tasya mengangguk-angguk setuju. Dia tersengih.

(*Tautan Hati*, 2012: 3)

Petikan tersebut jelas memaparkan sikap watak antagonis Hindun yang mengumpat Imtisal bersama-sama Tasya dengan mengatakan perkataan yang kurang enak didengari oleh Imtisal. Imtisal, seorang gadis malang dikatakan gila kerana memiliki perangai yang pelik. Dia sering menangis, menjerit, memukul dan melakukan pelbagai aksi pelik lain. Hindun telah

melakukan ghibah yang bertujuan sebagai senda-gurau dan bermain-main serta dalam masa yang sama Hindun juga menghina Imtisal yang tidak bersikap normal seperti orang lain. Contoh penghinaan juga berlaku dalam petikan berikut:

“Huh, tak faham! Mungkin buruk benar muka kamu berdua ni hingga Sal Nampak muka kamu berdua macam syaitan.”

Linda memandang Hindun dan Tasya. Kasar gurauannya lantaran berkawan dengan orang yang kasar. Hindun dan Tasya geram. Mereka mula mengutuk muka Imtisal dengan kata-kata kesat.

“Sedarlah Sal. Muka kaulah muka paling hodoh pernah aku jumpa. Syaitan pun lagi cantik,” Hindun menghina tak bertapis. Begitu juga Tasya.

(*Tautan Hati*, 2012: 9)

Petikan tersebut terang-terang telah berlaku perlaku ghibah berbentuk penghinaan watak Hindun terhadap Imtisal bahkan dalam petikan tersebut juga memaparkan Hindun diamuk perasaan marah apabila Linda melakukan gurauan yang mengguris hatinya. Hakikatnya, gurauan yang dilemparkan Linda juga dikategorikan sebagai ghibah kerana mempunyai tujuan untuk bermain-main dan senda-gurau. Perasaan marah yang timbul dalam diri Hindun akhirnya menyebabkannya menghina dan merendahkan rupa paras Imtisal.

Walau bagaimanapun, ghibah boleh dilakukan dengan beberapa syarat yang telah digariskan oleh al-Ghazali (*Ihya' Ulumiddin*, 2013: 109-112) sebagai panduan bersama yang dibenarkan oleh agama, iaitu:

1. Faktor kezaliman atau penganiayaan.
2. Bantuan yang diminta untuk mengubah kejahatan ke jalan yang lebih baik.
3. Fatwa tentang hukum agama.
4. Bertujuan menakutkan umat Islam daripada melakukan kemungkaran.
5. Gelaran akibat kekurangan diri sebagai pengenalan tetapi gelaran tersebut hendaklah secara sederhana sahaja dan tidak berlebihan.
6. Menyebut perihal kefasikan kepada si fasik itu sendiri.

Namun, manusia tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan panduan tersebut untuk mengumpat kerana setiap patah dan perlakuan akan dinilai oleh Allah SWT dan akan mendapat balasan yang setimpal.

Oleh itu, peranan lidah sangat penting supaya dijaga dengan rapi kerana mempunyai rentetan yang panjang. Pelbagai implikasi boleh berlaku apabila manusia mula meremehkan soal lidah dengan melakukan ghibah seperti peribahasa Melayu; kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa. Hadis Rasulullah SAW dalam riwayat al-Bukhari dan Muslim ada menyebut bahawa:

“Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka janganlah ia menyakiti jirannya, dan siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat hendaklah ia memuliakan tetamunya, dan siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat hendaklah ia mengatakan perkara yang baik atau berdiam.”

(Zahazan Mohamed & Ahmad Hasan Mohd Nazam, 2013: 160)

Petikan tersebut jelas menunjukkan perbuatan mengatakan perkara yang baik atau berdiam lebih dituntut dalam Islam kerana dapat menjaga hati lebih ramai orang serta sentiasa

berkasih-sayang bagi menjauhi permusuhan. Malah, perbuatan tersebut juga sebagai tanda orang yang beriman kepada Allah SWT serta hari akhirat.

Dusta

Lidah adalah anggota badan yang tidak bertulang tetapi kata-kata yang terhasil daripada lidah mampu membuahk dua perkara, iaitu kebaikan dan juga keburukan. Apabila lidah digunakan secara baik maka kelestarian hidup akan terjamin kerana lidah dapat menjadi ejen dakwah. Dahwah bukan sahaja tugas para ustaz dan juga ustazah tetapi menjadi tanggungjawab manusia sebagai khalifah di bumi Allah SWT. Penyebaran dakwa yang berkesan mampu melipatgandakan ummah berkualiti serta penyebaran Islam menjadi semakin meluas. Medium dakwah yang digunakan oleh lidah mempunyai kesan yang sangat besar tanpa kita sedari.

Walau bagaimanapun, apabila lidah tidak dikawal selia dengan baik maka akan tercetusnya keburukan tanpa disedari. Bahkan lidah yang tidak digunakan secara baik sebenarnya merupakan suatu maksiat. Hakikatnya, maksiat tidak hanya mencakupi aspek perzinaan dan sumbang mahram semata-mata.

Dusta juga merupakan maksiat yang dilakukan oleh lidah. Armada maksiat ini dapat menjerumus manusia lebih dalam ke kancan dosa kerana banyak impak negatif yang dilakukan terjadi akibat perbuatan dusta. Dusta merupakan pernyataan sesuatu yang tidak benar dan sama sekali bertentangan dengan keadaan yang sebenarnya (Hanafi Mohamed & Siti Zaimah Ab. Rahman, 2012: 83). Dusta turut disebut dalam surah an-Nahl, ayat ke 105 yang bermaksud: “Sebenarnya yang tergamak berdusta itu hanyalah orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah dan mereka itu ialah orang yang berdusta.” (Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Al-Fauzan, 2015, Surah al-Nahl, 105: 279)

Allah SWT telah jelas berfirman tentang manusia yang berdusta ialah mereka yang tidak beriman kepada kitab al-Quran. Maka, perbuatan dusta perlu dielakkan kerana menjauhkan manusia daripada Allah SWT. Malah, perbuatan dusta juga mempengaruhi pemikiran seseorang serta mencemarkan maruah diri kerana pendusta tidak akan dipercayai lagi dalam kalangan masyarakat. Petikan berikut memaparkan pendustaan yang dilakukan oleh Hindun:

“Tidak semena-mena dia mencekik kasar leher anak kucing itu kemudian pintu bilik dibuka. Imtisal menarik baju Hindun dari belakang namun tidak berdaya memberhentikan langkahnya. Tubuh gempal Hindun amat bertenaga. Dari atas koridor tingkat tiga, anak kucing yang malang itu dicampak ke bawah. Segalanya berlalu pantas. Imtisal tidak sempat menghalang. Dia sangat terkejut melihat kelakuan Hindun yang kejam itu.

“Kau akan dapat balasan!” jerit Imtisal dengan marah. Dari banteng koridor tingkat tiga, dia memandang jauh ke bawah. Anak kucing itu tidak bergerak lagi. Air mata Imtisal bercucuran.

“Aku tak sengaja. Aku nak letak atas banteng koridor tiba-tiba ia melompat sendiri ke bawah. Bukan salah aku.”

Hindun masih mahu berdalih walaupun semuanya terang lagikan bersuluh, Imtisal menjadi saksi pembunuhan itu. Muka Hindun selamba. Tiada riak penyesalan.

(*Tautan Hati*, 2012: 41)

Petikan tersebut menunjukkan Hindun berdusta dengan menafikan bahawa dia membunuh seekor anak kucing. Sepasang mata Imtisal melihat perbuatan kejam Hindun namun Hindun tetap menafikannya.

Pendusta juga disifatkan sebagai orang yang munafik kerana Rasulullah SAW pernah bersabda yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim bermaksud: “Tiga petanda orang munafik: Apabila bercakap ia berbohong, apabila berjanji ia memungkirinya, apabila diberi amanah ia mengkhianatinya” (Zahazan Mohamed & Ahmad Hasan Mohd Nazam, 2013: 169). Oleh yang demikian, kita sebagai umat Islam sewajarnya mengikuti contoh Nabi Muhammad SAW yang digelar sebagai al-Amin bererti yang benar, iaitu orang yang sangat dipercayai kerana kejujuran yang dimiliki (Nurulhilwany Cheshaffine, 2015: 244). Kedudukan orang yang munafik adalah dalam neraka yang paling bawah seperti firman Allah SWT dalam surah al-Nisa’, ayat 145 yang bermaksud: “Sesungguhnya orang munafik itu ditempatkan pada tingkat yang paling bawah dari neraka. Dan engkau tidak akan mendapat seorang penolong pun bagi mereka.” (Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Al-Fauzan, 2015, Surah al-Nisa’, 4: 145)

Contoh lain bagi perbuatan dusta juga dapat dilihat pada petikan berikut melalui watak antagonis Hindun:

“Bukan kami yang selerakkan. Dalam bilik kau tu ada penunggu. Kau tanyalah penunggu bilik kau tu, mungkin dia yang selerakkan,” dalih Hindun.

(*Tautan Hati*, 2012: 44)

Hindun mereka-reka cerita sekali gus berdusta terhadap Imtisal berkenaan keadaan petak bilik Imtisal. Imtisal terkejut apabila mendapati petak biliknya dalam keadaan berselerak dan diari berada di atas lantai sedangkan Hindun bersama-sama Tasya dan Linda telah menyelongkar segala barangan Imtisal tanpa kebenaran. Mereka menggeledah petak bilik Imtisal untuk mengetahui masalahnya namun menafikan apabila disoal Imtisal. Imtisal selalu dilihat bercakap seorang diri, menjerit dan nampak pelbagai perkara pelik. Perbuatan teman-teman sebilik Imtisal telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam diri Imtisal. Pelbagai kesan akan timbul akibat daripada pendustaan seperti marah, permusuhan dan juga putus silaturahim. Dusta tidak mendatangkan kebaikan pada diri sendiri seperti yang dikatakan oleh Umar Abdul al-Aziz bahawa: “Aku tidak pernah menipu sejak aku tahu bahawa perbuatan menipu itu memburukkan orang yang menipu.” (Salasiah Hanin Hamjah, 2016: 129)

Sungguhpun dusta membawa kesan buruk malah menimbulkan pelbagai rentetan yang dibawa olehnya, namun terdapat beberapa hal yang dibenarkan untuk berdusta, iaitu sewaktu peperangan dengan musuh dan juga bertujuan mendamaikan orang yang bersengketa, iaitu untuk tujuan kebaikan semata-mata. Sesungguhnya sebagai seorang wanita beragama Islam, sepatutnya menonjolkan mempunyai akhlak yang mulia seperti bertaqwa, pandai bergaul, penuh penjagaan, lemah lembut perkataan dan tutur katanya, beradab, mesra dan memesrai (Muhamad Ali, 1998b: 414 dlm. Kalthum Ibrahim, 2006: 14)), dan berdusta itu bukanlah ciri-ciri muslimah.

KESIMPULAN

Tanpa pegangan agama yang baik, manusia akan cenderung melakukan sesuatu perkara mengikut kemahuan sendiri tanpa memikirkan impak sesuatu kejadian. Akhlak adalah cerminan diri manusia. Akhlak baik yang dimiliki manusia menunjukkan bahawa mereka dapat

menggunakan akal secara relevan dan memandu nafsu ke jalan kebenaran. Peningkatan tahap-tahap nafsu dilakukan dengan pelbagai cara agar lebih dekat kepada Allah SWT.

Penting bagi manusia untuk mengetahui dan mengenal pasti setiap tingkatan nafsu supaya masing-masing dapat memahami diri sendiri seterusnya memperbaiki diri ke arah yang lebih baik. Sifat-sifat diri yang berbeza melambangkan tingkatan nafsu yang berbeza dan menjadi kayu ukur kepada manusia untuk menilai tahap ketakwaan dan akhlak dalam diri sendiri. Malah, dengan mengetahui perihal nafsu secara tidak langsung manusia dapat menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah atas muka bumi dengan menyebarkan dakwah kepada seluruh umat manusia. Sifat-sifat yang terserlah dalam diri orang lain akan memudahkan lagi kerja-kerja pendakwah untuk membawa kembali manusia ke jalan yang diredaiNya. Tanpa mengenal sifat-sifat tersebut, sasaran dakwah akan menjadi lebih sukar. Hakikatnya, dengan mengenali sifat-sifat nafsu dapat membantu umat manusia membentuk peribadi yang mulia kerana telah mengetahui tahap nafsu masing-masing dan sama-sama saling membantu dan menegur ke arah kebaikan. Oleh itu, masalah kerosakan akhlak dan kepincangan sosial masa kini akan lebih terkawal kerana dapat hidup dalam suasana harmoni yang menegaknya syariat Allah sebagai tonggak utama kehidupan.

Sifat-sifat nafsu lawwamah yang merupakan tingkatan nafsu ketiga dalam perjalanan nafsu juga memiliki sifat-sifat tersendiri yang perlu dilihat serta menjadi penilaian dalam diri. Penggunaan tiga sifat nafsu yang dominan dalam novel *Tautan Hati* telah menjadi contoh cerminan masyarakat tentang penyakit dalam jiwa manusia dan telah menjadi barah dalam masyarakat secara tidak sedar apabila tidak dibendung dengan pendidikan agama sewajarnya. Kajian terhadap novel *Tautan Hati* menunjukkan bahawa masyarakat dominan memiliki sifat nafsu lawwamah, iaitu ujub, ghibah dan juga dusta hingga merosakkan diri dan mempunyai kemungkinan yang besar untuk jatuh ke jurang nafsu ammarah (nafsu terendah). Hakikatnya pengendalian secara terperinci membantu masyarakat mengetahui tahap nafsu diri seterusnya dapat mengendalikan nafsu secara berkesan serta bijak. Hal ini secara tidak langsung mengajar masyarakat untuk memahami diri serta orang lain seterusnya menyucikan jiwa. Jiwa yang bersih dan suci menjadi tempat jatuhnya cahaya cinta Allah kepada hamba-Nya. Malah, dalam masa yang sama dapat mengatasi masalah sosial serta membentuk pembangunan insan berteraskan syariat Allah SWT.

RUJUKAN

- 40 Hadis Imam An-Nawawi. 2013. Batu Caves: Pustaka Al-Ehsan.
- Aswati Hamzah. (2007). *Satu Kajian Skema Taakulan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Ph. D, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Abdul Salam Yussof. 2010. *Idea-idea Pendidikan Berkesan al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Al-Fauzan*. 2015. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Dr. Mustafa Zahri. (1984). *Kunci Memahami Ilmu Tasawwuf*. Surabaya: Penerbit PT. Bina Ilmu.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah dan Mohd, Jurairi Sharifudin. 2013. *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fatimah Sarmani dan Mohd Tajudin Mingat. 2011. *Teori Kaunseling al-Ghazali*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Fatimah Syarha Mohd Noordin. 2012. *Tautan Hati*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Hanafi Mohamed dan Siti Zaimah Ab. Rahman. 2012. *Nikmatkah Maksiat?* Shah Alam: Grup Buku Karangkrak Sdn. Bhd.
- Imam al-Ghazali. 2013. *Ihya' Ulumiddin*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Jaafar Salleh. 1996. *Tingkatan-tingkatan Nafsu: Kemuliaan Martabat Insan*. Era Ilmu.
- Kalthum Ibrahim. 2006. Maria Zaitun Dalam Salam Maria Lambang Wanita Mukmin Masa Kini. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11-20.
- M. Ali Imran al-Aziz. 2012. *Kenali 7 Peringkat Nafsu*. Rawang: Pustaka Ilmuwan.
- Mohd Nasir Omar. 2016. *Akhlak dan Pembangunan Insan Pendekatan Falsafah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hasan al-Basri. 2012. *Biografi Nafsu Manusia*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn.Bhd.
- Mustapha Mohamed al-Jiasi al-Ahmadi. 2015. *Mengenal Diri dan Wali Allah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Noor Azlin Ayuni Mohd Arshat. 2015. *Novel Panggil Aku Melaju: Analisis Psikologi Watak dan Pengarang*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Hasimah Ismail. 2014. *Konflik jiwa watak-watak wanita dalam novel pilihan Fatimah Busu*. Tesis Ph. D, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2015. *Konflik Kejiwaan dalam Novel Interlok karya Abdullah Hussain*. 1996. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 59-66.
- Nur Lailatul Akma Zainal Abidin. 2012. *Watak Wanita dalam Novel The Missing Piece Satu dan Dua Berdasarkan Teori Sastera Islami*. Disertasi Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nur Suhada Arifin & Kamariah Kamarudin. 2017. Personaliti Islam menurut Perspektif Al-Ghazali dalam Novel Tuhan Lebih Sainifik Karya Farhan Hadi. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 1-27.
- Nurulhilwany Cheshaffine. 2015. Pemikiran Islam dalam 'Ayn Karya Kemala. *Jurnal Melayu*, 240-259.
- Rifqiyatunnisa dan Nouraini. 2015. *Mengendalikan Hawa Nafsu*. Al-Mihrab Publications.
- Rosnaaini Hamid. 2015. *Tuan Haji Mohammad Yatim Haji Ismail Tokoh Tarekat Naqshabandiyyah*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Ros Zakaria. 2002. *Martabat Nafsu dalam Novel-novel Shahnnon Ahmad*. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2016. *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut Al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syekh Abdus-Shamad al-Falimbani. 2015. *Sairus-Salikin*. Pokok Sena: Khazanah Banjariah.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohamad Ali. 2000. *Novel-novel Hamzah Hussain: Kajian Watak dari Sudut Psikologi*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Norlidza Wan Mohd Zain & Hashim Ismail. 2015. Komponen Kesedaran Peribadi dalam Novel Remaja Terpilih. *Jurnal Pengajian Melayu*, 117-139.

Jurnal Melayu
Bil. 17 (1) 2018

Zahazan Mohamed dan Ahmad Hasan Mohd Nazam. 2013. *300 Hadis Bimbingan: Ke Arah Mencari Redha Allah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Biodata Penulis:

Noor Farhah Rosly

Penulis merupakan calon Ijazah Sarjana dalam bidang Kesusasteraan Melayu di Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM).

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali

Penulis merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, APM, UM. Sekarang bertugas sebagai Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan APM, UM. Kepakaran beliau adalah dalam bidang kesusasteraan Melayu Moden, psikologi, semiotik dan penyuntingan sastera.

Nurhamizah Hashim

Penulis merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, APM, UM. Kepakaran beliau adalah dalam bidang sastera kanak-kanak, sastera remaja dan psikologi.